

No. Sebutharga :JBPM/SL/SH(S)/47-2024

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET KERAJAAN**

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Selangor  
No. 3 Persiaran Tebar Layar  
Seksyen U8, Bukit Jelutong  
40150 Shah Alam, Selangor**

1. Tawaran adalah terbuka dan dipelawa dari syarikat ataupun orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	PERODUA KEMBARA 1.3 EZ (AUTO TAHUN 2002)	WJX 3654	1	1,500.00

Aset boleh dilihat pada **11 September 2024 hingga 18 September 2024** di antara jam **10.00 pagi hingga 3.00 petang** di **Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam Seperti Lampiran A.**

2. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang bermnobor siri dan hanya boleh diperoleh daripada **Urusetia Sebutharga** di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
3. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebutharga **JBPM/SL/SH(S)/47-2024** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**Unit Pentadbiran Am, Aras 2  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Selangor  
No. 3 Persiaran Tebar Layar  
Seksyen U8, Bukit Jelutong  
40150 Shah Alam, Selangor**

4. Tarikh tutup Sebutharga pada **18 September 2024** jam 12.00 tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PKPjB WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL)**

Pengarah  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Selangor

**Tarikh : 10 September 2024**

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Tunai atau Cek Syarikat sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Resit Asal bagi deposit sebut harga akan dikeluarkan oleh Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor kepada penyebut harga.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual sekiranya terdapat pengubahsuaian dan penukaran enjin semasa kenderaan tersebut dalam tanggunungan jabatan sebelum ini. Sekiranya terdapat masalah setelah SST dikeluarkan segala kos adalah tanggungjawab pembeli.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkat dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari bekerja selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
10. Penyebut harga diminta untuk mengisi dan menghantar Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28).
11. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang Berjaya membayar sepenuhnya harga jualan Aset Alih tersebut.
12. Pemulangan deposit hanya akan diberikan kepada penyebut harga yang mengemukakan Resit Asal deposit tersebut kepada Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor.
13. Jika penyebut harga enggan mengambil Aset Alih selepas sebut harganya disetuju terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.

14. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan permohonan taksiran semula cukai kepada pihak KASTAM.
15. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan proses pembatalan pendaftaran atau pertukaran hak milik kenderaan bersama-sama dengan wakil Jabatan di Cawangan JPJ.
16. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di laman web  
<https://www.bomba.gov.my/bpm-negeri-selangor/>.

**LAMPIRAN A**

**LOKASI ASET ALIH KERAJAAN**

Bil.	Keterangan Aset	No. Pendaftaran Kenderaan	Lokasi
1	PERODUA KEMBARA 1.3 EZ AUTO TAHUN 2002	WJX 3654	Balai Bomba Dan Penyelamat Shah Alam, Persiaran Sultan, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor